

1 Antara yang berikut, manakah ciri-ciri kepimpinan seorang akauntan?

- I Integriti
- II Kredibiliti
- III Keutuhan
- IV Kerahsiaan

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

2 Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu andaian perakaunan.

Puan Dalina seorang pemilik restoran telah merekodkan jualan pakaiannya dalam nilai Ringgit Malaysia.

Apakah andaian perakaunan tersebut?

- A** Entiti berasingan
- B** Usaha berterusan
- C** Wang sebagai ukuran
- D** Tempoh perakaunan

- 3** Pada tahun 2018, Encik Hasan membeli sebuah van bernilai RM80 000. Harga pasaran van itu bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah.

Tahun	Nilai Pasaran
2019	RM 70 000
2020	RM 60 000
2021	RM 50 000

Merujuk kepada prinsip kos, berapakah nilai Van yang perlu direkodkan dalam Penyata Kewangan pada tahun 2021?

- A** RM 80 000
 - B** RM 70 000
 - C** RM 60 000
 - D** RM 50 000
- 4** Encik Ibrahim membuka sebuah kedai perabot di Lahat, Perak. Apakah hasil daripada aktiviti utama perniagaan beliau?
- A** Sewa diterima
 - B** Jualan perabot
 - C** Faedah atas simpanan
 - D** Untung atas pelupusan aset bukan semasa

- 5 Maklumat di bawah ini berkaitan Perniagaan Mariah.

Puan Mariah membeli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Najla.

Aliran dokumen manakah yang betul bagi urus niaga tersebut?

- A Slip pindahan wang → Invois → Resit
B Invois → Bil Tunai → Resit
C Cek → Invois → Resit
D Invois → Cek → Resit
- 6 Pada 5 Februari 2022, Kedai Elektrik Metro membeli lori secara kredit bernilai RM60 000 daripada Marsya Transport.

Bagaimanakah urus niaga ini dicatatkan dalam buku Kedai Elektrik Metro?

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Feb 5	Belian Kenderaan	RM 60 000	RM 60 000

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Feb 5	Belian Marsya Transport	RM 60 000	RM 60 000

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Feb 5	Kenderaan Belian	RM 60 000	RM 60 000

D**Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022 Feb 5	Kenderaan Marsya Transport	RM 60 000	RM 60 000

7 Urusniaga di bawah berkaitan jualan bagi sebuah perniagaan.

2022	
Mac 4	Menjual barang niaga secara tunai RM 500 kepada Hamidah.
10	Menjual barang niaga secara kredit RM1200 kepada Amira.
15	Menjual barang niaga secara kredit RM 3000 kepada Michelle.
20	Amira memulangkan barang niaga kerana rosak RM 200.

Pilih catatan yang tepat bagi Jurnal Jualan di bawah.

A**Jurnal jualan**

Tarikh	Butir	Debit
2022 Mac 4 10 15 20 31	Hamidah Amira Michelle Amira Akaun Jualan	RM 500 1200 3000 200 4900

B**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butir	Debit
2022 Mac 4 10 15 31	Hamidah Amira Michelle Akaun Jualan	RM 500 1200 3000 4700

C

Jurnal jualan

Tarikh	Butir	Debit
2022 Mac 10 15	Amira Michelle	RM 1200 3000
31	Akaun Jualan	4200

D

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Debit
2022 Mac 4 20	Hamidah Amira	RM 500 200
31	Akaun Jualan	750

8

Buku Tunai Runcit di bawah ini diperoleh daripada Perniagaan Lavender.

Tarikh	Butir	F	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran	
					Alat Tulis	Tambang
2022 Jan 1	Bank		RM 200	RM	RM	RM
13	Fail			20	20	
20	Tambang teksi			30		
			200	50	20	30
31	Baki	h/b		150		
			200	200		

Berapakah jumlah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM 30
- B RM 50
- C RM 150
- D RM 200

9 Pilih pasangan yang **BETUL**.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
A	Perabot	Akaun Belum Terima
B	Gaji	Akaun Belum Bayar
C	Kenderaan	Komisen
D	Jualan	Belian

10 Urus niaga berikut berlaku pada perniagaan Ahmad Enterprise.

2022

Mac 24 Belian barang niaga RM1000 daripada Pembekal Farizal

Apakah catatan bergu untuk urus niaga berkenaan?


A	Akaun Belian			
	20X9	RM		
	Mac 24 Bank	1 000		
	Akaun Bank			
	20X9	RM		
	Mac 24 Belian	1 000		
B	Akaun Belian			
	20X9	RM		
	Mac 24 Bank	1 000		
	Akaun Bank			
	20X9	RM		
	Mac 24 Belian	1 000		
C	Akaun Belian			
	20X9	RM		
	Mac 24 Pembekal Farizal	1 000		
	Pembekal Farizal			
	20X9	RM		
	Mac 24 Belian	1 000		
D	Akaun Belian			
	20X9	RM		
	Mac 24 Pembekal Farizal	1 000		
	Pembekal Farizal			
	20X9	RM		
	Mac 24 Belian	1 000		

11 Apakah butir dalam Akaun Kawalan Belum Bayar yang diperoleh daripada Buku Tunai?

- I Diskaun diterima
- II Hutang lapuk
- III Bayaran pembekal
- IV Belian kredit

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

12 Rajah di bawah menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah **R**?

- A** Pelarasan
- B** Imbangan Duga
- C** Catatan Penutupan
- D** Imbangan Duga terselaras

- 13** Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Sutera pada 31 Mac 2022.

Kad Inventori	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
1	9 600	9 800
2	11 400	11 300
3	7 200	6 900
4	10 400	10 800
Jumlah	38 600	38 800

Berapakah nilai inventori pada 31 Mac 2022?

- A** RM38 200
B RM38 600
C RM38 800
D RM39 200
- 14** Antara berikut, yang manakah digunakan untuk mengira kos jualan?
- I Jualan, Pulangan Jualan, Inventori Awal
II Belian, Inventori awal, Angkutan keluar
III Belian, Inventori awal, Angkutan masuk
IV Inventori akhir, Pulangan keluar, Cukai belian
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15** Akaun manakah yang ditutup dengan memindahkan jumlahnya ke Akaun Perdagangan?

- I Akaun Jualan
II Akaun Promosi
III Akaun Insurans
IV Akaun Angkutan Masuk

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16** Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Noor bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Insurans setahun	RM1 800
Tarikh insurans bermula	1 April 2022

Berapakah nilai insurans yang perlu direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A** Insurans prabayar RM 450
 - B** Insurans prabayar RM1 350
 - C** Insurans belum bayar RM 450
 - D** Insurans belum bayar RM1 350
- 17** Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Wazir pada 31 Disember 2021.

Akaun Mesin

2021	RM	2021	RM
Jan 1 Baki b/b	30 000	Dis 31 Baki h/b	30 000
	<u>30 000</u>		<u>30 000</u>
2022			
Jan 1 Baki b/b	30 000		

Akaun Susut Nilai Berkumpulan Mesin

2021	RM	2021	RM
Dis 31 Baki h/b	6 000	Jan 1 Baki b/b	3 000
	<u>6 000</u>	Dis 31 Susut nilai mesin	3 000
			<u>6 000</u>
		2022	
		Jan 1 Baki b/b	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2021. Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A** Rugi pelupusan RM1 500
- B** Rugi pelupusan RM4 500
- C** Untung pelupusan RM1500
- D** Untung pelupusan RM4 500

- 18** Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Perniagaan Jenny pada 31 Mac 2022.

	RM
Untung kasar	12 450
Hutang lapuk terpulih	1 320
Kadar bayaran	960
Komisen jualan	640

Maklumat tambahan:

Kadar bayaran belum bayar berjumlah RM200.

Berapakah untung bersih Perniagaan Jenny bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.

- A** RM11 970
- B** RM12 370
- C** RM13 250
- D** RM13 450

- 19** Antara kesilapan berikut yang manakah menjejaskan Imbangan Duga?

- A** Kesilapan prinsip
- B** Kesilapan komisen
- C** Kesilapan saling mengimbangi
- D** Kesilapan ketinggalan satu catatan

- 20** Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Ali yang mengandungi beberapa kesilapan.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Bayar		3 700
Bank	8 440	
Sewa diterima	450	
Belian dan Jualan	33 200	38 460
Kadar bayaran	850	
Hutang lapuk		650
Pulangan keluar	530	

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan tersebut dibetulkan?

- A** RM43 140
- B** RM43 670
- C** RM43 690
- D** RM43 790

21 Berikut adalah rumus bagi Nisbah Kecekapan.

Kadar pusing ganti inventori = _____

Apakah **X**?

- A** Belian
- B** Jualan
- C** Kos Belian
- D** Kos Jualan

22 Maklumat berikut diperolehi daripada buku pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

	Firma Aini (RM)	Firma Bala (RM)	Firma Chin (RM)	Firma Don (RM)
Untung kasar	180 000	120 000	140 000	100 000
Untung bersih	90 000	80 000	95 000	65 000
Modal Awal	400 000	400 000	500 000	300 000

Berdasarkan analisis nisbah Pulangan atas Modal, Firma yang manakah terbaik untuk membuat pelaburan.

- A** Firma Aini
- B** Firma Bala
- C** Firma Chin
- D** Firma Don

23 Butiran manakah yang perlu dicampurkan kepada modal akhir untuk mendapatkan untung bersih?

- | | |
|----------|----------------|
| A | Hasil |
| B | Ambilan |
| C | Modal Awal |
| D | Modal Tambahan |

24 Maklumat berikut diperolehi daripada akaun Kedai Runcit Muttu. Tahun kewangannya berakhir pada 31 Mei 2022.

	RM
Tunai	18 000
Bank (Overdraf)	7 000
Akaun Belum Bayar	8 200
Akaun Belum Terima	14 200
Kenderaan	35 000
Inventori : Harga kos	25 000
: Harga pasaran	28 000

Berapakah modal pada tarikh itu?

- | | |
|----------|----------|
| A | RM65 000 |
| B | RM77 000 |
| C | RM79 000 |
| D | RM91 000 |

25 Item yang manakah yang direkodkan dalam penyata bank?

- | | |
|-----|-----------------------|
| I | Caj bank |
| II | Buku Cek |
| III | Cek belum dikemukakan |
| IV | Cek belum dikreditkan |

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 26 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2022

	RM	RM
Baki kredit di buku tunai		(700)
Tambah: Cek belum dikemukakan	3 500	
Dividen	1 050	
	<u> </u>	<u>4 550</u>
		3 850
Tolak: Deposit belum dikreditkan	2 450	
Caj bank	70	
	<u> </u>	<u>(2520)</u>
S		<u>1 330</u>

Apakah **S**?

- A** Baki kredit di buku tunai
B Baki debit di buku tunai
C Baki debit di penyata bank
D Baki kredit di penyata bank
- 27 Abu dan Ali telah menubuhkan Perkongsian AA. Apakah tujuan mereka memeterai Ikatan Perjanjian Perkongsian?
- A** Untuk mengelakkan pekongsi melabur modal dengan lebih banyak.
B Untuk mengelakkan daripada perkongsian dibubarkan serta-merta.
C Untuk memastikan untung atau perkongsian dibahagi sama rata.
D Untuk menetapkan hak dan tanggungjawab setiap pekongsi.
- 28 Berikut adalah penyediaan akaun modal pekongsi mengikut kaedah modal tetap.

Akaun Modal Pekongsi					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM	2021		RM
Dis 31	Baki h/b	35 000	Jan 1	Baki b/b	20 000
				X	5 000
		35 000			35 000
			2022		
			Jan 1	Baki h/b	35 000

Apakah butir **X**?

- A** Bank
B Akaun belum bayar
C Faedah atas pinjaman
D Pengasingan Untung rugi

29 Berikut adalah tatacara pembubaran perkongsian:

- I Menutup semua Akaun aset kecuali akaun bank dan akaun tunai
- II Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Malaysia (SSM)
- III Menjelaskan semua liabiliti perniagaan
- IV Perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki dalam Akaun Modal dan Akaun Semasa

Pilih susunan langkah - langkah tatacara pembubaran dengan betul.

- A** I, II, III dan IV
- B** I, III ,IV, dan II
- C** II, III, I, dan IV
- D** IV, III, II dan I

30 Akaun Modal berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Ram dan Lia yang membubarkan perkongsian mereka.

Akaun Modal							
Tarikh	Butir	Ram (RM)	Lia (RM)	Tarikh	Butir	Ram (RM)	Lia (RM)
2022 Dis 31	Realisasi	1 000					

Apakah urus niaga yang tepat pada tarikh tersebut?

- A** Ram mengambil alih aset pada nilai RM 1 000.
- B** Ram membayar belanja realisasi sebanyak RM 1 000.
- C** Untung realisasi dipindahkan RM 1000 ke akaun Ram.
- D** Modal tambahan dibawa masuk oleh Ram sebanyak RM 1 000.

- 31** Pada 2 Mac 2020, Syarikat QQ Bhd telah menerbitkan 2 500 000 unit Syer Biasa pada Harga RM 1.00 kepada orang awam. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar Penuh. Berapakah jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syarikat QQ Bhd?
- A** RM 500 000
 - B** RM 1 500 000
 - C** RM 2 500 000
 - D** RM 3 000 000
- 32** Maklumat berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Dr. Mazwan dari Syarikat MMM.
- Pada 1 April 2022, Dr. Mazwan telah membeli 30 000 unit 6% syer keutamaan RM 2 sesyer. Pada 31 Oktober 2022, Lembaga Pengarah syarikat telah mengisytiharkan dividen interim syer keutamaan.
- Berapakah dividen interim yang diterima oleh Dr. Mazwan?
- A** RM 600
 - B** RM 500
 - C** RM 1 200
 - D** RM 2 100
- 33** Manakah yang dicatatkan di bahagian pembayaran Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Futsal Rahman?
- A** Jualan kafe
 - B** Bayaran masuk kelab
 - C** Penyelenggaraan gelanggang
 - D** Faedah atas simpanan tetap

- 34** Akaun Yuran di bawah diambil daripada Kelab Catur Belia Muda bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Akaun Yuran					
2021			2021		
		RM			RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	30	Dis 31	Bank	200
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	150			
	Q	20			
		200			200

Apakah **Q**?

- A** Yuran Belum Terperoleh
 - B** Yuran Belum Terima
 - C** Yuran Masuk
 - D** Yuran Lapuk
- 35** Maklumat berikut berkaitan dengan Kelab Rekreasi Relax.

	RM
Inventori restoran 1 Januari 2021	1 350
Inventori restoran 31 Disember 2021	2 580
Jualan	15 400
Belian	9 560
Lesen restoran	2 400
Insurans kelab	2 700

Berapakah untung restoran Kelab Rekreasi Relax?

- A** RM 1 970
- B** RM 4 670
- C** RM 7 070
- D** RM 7 190

- 36** Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Kelab Sukan Extreme.

Kelab Sukan Extreme Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021		
		RM
	Dana Terkumpul	8 500
	Tambah : P	1 500
		10 000
	Tambah : Yuran masuk	2 600
	Dana terkumpul akhir	12 600

Dari manakah nilai **P** diperoleh?

- A** Akaun Bank
 - B** Akaun Yuran
 - C** Akaun Untung Rugi
 - D** Akaun Pendapatan & Perbelanjaan
- 37** Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Best.

	RM
Kerja dalam proses awal	19 500
Kos bahan langsung	183 625
Kos buruh langsung	65 000
Kos langsung	12 750
Kos Overhed	38 900
Kerja dalam proses akhir	21 000

Berapakah kos pengeluaran?

- A** RM 298 775
- B** RM 300 275
- C** RM 301 775
- D** RM 340 775

- 38** Rumus berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran adalah seperti berikut.

Kos Bahan langsung + Kos Buruh Langsung + **X** + Kos Overhed + **Y** - Kerja Dalam Proses Akhir

Apakah **X** dan **Y**?

X	Y
A Kos prima awal	Belanja langsung
B Belanja langsung	Kerja dalam proses awal
C Kerja dalam proses awal	Kerja dalam proses akhir
D Kos prima awal	Kos prima akhir


- 39** Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah firma.

	RM
Kos Tetap	20 000
Kos Berubah	2
Harga jualan seunit	6

Hitungkan unit jualan untuk memperoleh untung RM10 000.

- A** 2 500 unit
B 5 000 unit
C 7 500 unit
D 10 000 unit

- 40 Graf titik pulangan modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang air minuman.



Berapakah anggaran kuantiti (botol) yang perlu dihasilkan untuk mendapat Jumlah Hasil bernilai RM 85 000?

- A 4 000 botol
- B 6 500 botol
- C 7 000 botol
- D 8 000 botol

KERTAS SOALAN TAMAT